



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

STATUS SEMASA ISU *WHEY PROTEIN CONCENTRATE* DARIPADA NEW ZEALAND YANG DISYAKI TERCEMAR DENGAN BAKTERIA *CLOSTRIDIUM BOTULINUM*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini isu *whey protein concentrate* (WPC80) keluaran syarikat Fonterra Ltd. New Zealand yang disyaki tercemar dengan bakteria *Clostridium botulinum* yang boleh menyebabkan keracunan makanan.

Perkembangan terkini, pihak berkuasa New Zealand telah mengesahkan bahawa produk *Nutricia Karicare Stage 1 Infant Formula* dan *Nutricia Karicare Stage 2 Follow-on Formula* hanya di pasarkan di New Zealand dan tidak dieksport ke Malaysia.

Sebelum ini, syarikat Danone Dumex Malaysia telah menarik balik produk secara sukarela beberapa *batch* produk susu keluaran mereka yang disyaki tercemar dengan *Clostridium botulinum* sebagai langkah berjaga-jaga. Dalam hal ini, KKM telah mengesahkan bahawa semua produk keluaran syarikat berkenaan yang terbabit yang berada di pasaran telah ditarik balik sepenuhnya.

Di samping itu, KKM telah menjalankan pemeriksaan ke atas kilang pemprosesan syarikat tersebut dan hasil pemeriksaan mendapati semua produk keluaran syarikat tersebut telah melalui sistem jaminan keselamatan makanan dan langkah-langkah pengawalan yang berkesan. Semua bahan mentah yang digunakan mempunyai sijil analisis daripada pembekal dan syarikat menjalankan analisis bagi setiap *batch* bahan mentah untuk memastikan bahan mentah tersebut adalah selamat. Dengan itu, semua produk keluaran syarikat tersebut dibenarkan untuk dijual di pasaran.

KKM sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan semua makanan yang dijual di pasaran adalah selamat. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan mengenai perkara tersebut, pengguna boleh menghubungi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM di talian 03-88833652/03-88833653 atau melalui laman web <http://fsq.moh.gov.my>.

Noraini binti Dato' Mohd. Othman

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan

Kementerian Kesihatan Malaysia

21 Ogos 2013